



## Keupayaan *Teksdealisme* Mengangkat Keunggulan Pengarang

<sup>1</sup>Prof Madya Dr. Azhar Wahid

<sup>1</sup>Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

### Article Info

**Received:**

21 Feb 2019

**Accepted:**

20 March 2019

**Publish**

15 April 2019

**E-mail address:**

\*corresponding Author :

\* [azhar@fbk.upsi.edu.my](mailto:azhar@fbk.upsi.edu.my)

### Abstract

*The work of one of the leading authors such as Shakespeare, Dante, George Bernerd Shaw and Tun Seri Lanang enshrined in the memory and human memories to seek happiness and prosperity in civilized community lives. In this paper discussion is based on the 4 Principles of Teksdealisme Theory, that are presence, infringement, consolidation and individualism in order to show the superiority of an author. Authors should be able to build and empower authorship strategies for each of his work texts, to build discipline and acting laws on wisdom and creativity, while continuing to bring in remarkable innovation. Teksdealisme holds on superior work in superior structure. This means that analysis can be studied in terms of retention and change in literary conventions, based on the principle of infringement related to the aspect of discourse and language that is often used as a factor of excellence. These innovative, experimental and strengthening properties support the birth of modern texts, postmodernism, avant-gradge and many more. The superiority of an author will prepare the entity of literary works in accordance with the norms and values of social structure in the manner determined by the conventions and traditions of a social group in society*

**Keyword:** Excellence. Authorship. Conventions. Principles. Literature

### Pengenalan

Sastera adalah lembaga sosial yang menggunakan bahasa sebagai medium dan bahasa itu sendiri merupakan ciptaan sosial. Sastera menampilkan gambaran kehidupan dan kehidupan itu sendiri adalah suatu kenyataan sosial (Hashim Awang, 1997: 26). Dalam pengertian ini, kehidupan mencakupi hubungan antara masyarakat dengan individu, antara manusia dengan peristiwa yang terjadi di dalam jiwa seseorang. Peristiwa-peristiwa ini sering menjadi bahan sastera yang menjadi pantulan dari hubungan seseorang dengan orang lain atau dengan masyarakat kelompok sosialnya.

Menurut Tun Abdul Razak seorang sasterawan menulis untuk zamannya dan apa yang ditulisnya sekarang dibaca hari ini, dinilai, ditimbang, difahami hari ini juga. Tapi apa yang ditulis hari ini boleh dilupakan esoknya. Oleh itu, semua sasterawan dan semua penulis atau pengarang mengarang untuk pembaca hari ini bukan untuk pembaca-pembaca zaman akan datang. Maksudnya, mereka lebih tahu selera atau kehendak para pembacanya yang hidup sezaman dengannya daripada para pembaca yang hidup tiga empat puluh tahun yang lalu

(A.Karim Abdullah, 1993: 127). Namun demikian, hasil karya seseorang pengarang atau sasterawan seperti Shakespeare, Dante, George Bernerd Shaw dan Tun Seri Lanang diabadikan dalam ingatan dan kenangan manusia sehingga terhasil karya yang unggul. Ini disebabkan mereka menulis apa yang abadi untuk manusia, apa yang kekal dan tidak berubah dari hati sanubari, cita-cita, fikiran dan perasaan manusia. Apa yang abadi dan kekal untuk sesebuah negara bangsa ialah keinginan untuk mengubah cara hidupnya, untuk mencari kebahagiaan dan kesejahteraan dalam kehidupan bermasyarakat yang bertamadun.


Keunggulan dalam konteks kesusasteraan, terutamanya dalam penghasilan karya oleh seseorang pengarang adalah suatu tahap puncak pencapaian dalam penciptaan. Tegasnya bahawa setiap pengarang mempunyai hasrat untuk meletakkan karyanya mencapai suatu tahap keunggulan. Untuk sampai ke sebuah teks karya yang unggul, pengarang dituntut mempunyai sifat-sifat keberanian dan kebijaksanaan. Keberanian dalam mengemukakan sesuatu idea dan pemikiran baru dan bersedia untuk melakukan inovasi dan perubahan. Manakala kebijaksanaan pula sifat yang mendorong supaya erja yang dilakukan itu penuh dengan kesedaran dan bergerak dalam andasan keilmuan. Tanpa sifat sedemikian menyebabkan karya yang terhasil hanya bergerak dalam lingkungan tradisinya dan tidak memecah kepada teks karya yang unggul. Justeru itu, dalam penulisan ini akan membincangkan akan keupayaan Teori Teksdealisme mengangkat keunggulan seseorang pengarang.

Pengarang seharusnya dapat membina dan memiliki strategi kepengarangan bagi setiap teks karyanya, dapat membina disiplin dan undang-undang pengkaryaan atas kebijaksanaan dan daya kreativiti, di samping sentiasa menghasilkan pembaharuan yang menakjubkan. Biasanya ciri-ciri pembaharuan kesendirian yang dimiliki oleh seseorang pengarang itu akan membezakan diri dan teks karyanya daripada pengarang yang lain. Sesungguhnya pembaharuan yang dihasilkan itu menjadi unsur penting dan menjadikan teks karyanya benar-benar bersifat dinamik dan idealistik yang unggul. Bagi khalayak baik yang bersifat analitis atau tidak analitis akan dapat mengesan akan kewujudan ciri-ciri pembaharuan ketika membuat kritikan mahupun pembacaannya. Ini menunjukkan bahawa Teksdealisme menyediakan metode dan mekanisme untuk menilai sesebuah teks karya dan pengarangnya pada tingkat keunggulan.

### **Teksdealisme Mengangkat Keunggulan Pengarang**

Teori Teksdealisme mendefinisikan teks karya sebagai susunan idea dan pengalaman yang mengandungi pelbagai makna dengan sifat-sifat keunggulannya. Malah, keunggulannya bererti teks karyanya mempunyai nilai kualiti yang tinggi di samping memiliki sifat-sifat keunggulan yang tersendiri. Berasaskan kepada falsafah teori teksdealisme yang digagaskan oleh Mana Sikana ini menyatakan bahawa setiap pengarang mempunyai hasrat untuk meletakkan teks karyanya mencapai suatu tahap keunggulan.

Justeru itu, mereka akan berusaha dengan bakat, kebolehan, intelektual dan ketrampilannya bagi menghasilkan sebuah karya yang lebih baik daripada apa yang telah dihasilkannya dan mengatasi apa yang diterbitkan oleh penganang lain sebelumnya. Idealisme atau sifat keunggulan sebagai sebuah karya kreatif, selalunya berada dalam pemikiran pengarang sewaktu berkarya. Teori teksdealisme menyediakan 4 prinsip sebagai panduan untuk mencapai tahap keunggulan. Keempat-empat prinsip tersebut ialah kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme. Prinsip-prinsip ini dijadikan sebagai panduan untuk menganalisis sesebuah karya bagi menentukan akan tahap keunggulan penghasilan karya dan pengarangnya.



Rajah 1: Prinsip-prinsip Teori Teksdealisme

Seseorang pengarang perlu ada idea dan pengalaman untuk menghasilkan sesuatu karya yang unggul dan membentuk jati diri sebagai penulis yang unggul. Dalam hal ini, sumber idea dan pengalaman itu amat berhubungkait antara satu sama lain. Idea merupakan lintasan pemikiran yang bergema dalam kesedaran pengarang telah mengembang dan mematangkan yang akhirnya dijemakan dalam bentuk karya kreatif. Kadang-kadang dimotivasikan oleh sesuatu yang hadir dalam diri pengarang atau didorong oleh sifat-sifat kontekstualnya. Manakala pengalaman adalah sumber yang dapat mencetuskan idea yang bergerak dalam sublimasi secara ketidaksengajaan dan berstruktur seperti bahasa. Ini dapat ditimba melalui pembacaan, pengamatan dan juga penceritaan yang berdasarkan kepada persoalan semasa seperti pergolakan politik, kebejatan ekonomi, pergerakan sosial, perkembangan agama dan pembentukan atau pelestarian budaya.

Justeru itu, Teksdealisme menegaskan bahawa teks karya sastera tidak lain daripada idea dan pengalaman. Untuk mendapatkan erti dan makna sesebuah teks karya yang unggul, maka perihal pengalaman haruslah dianalisis. Melalui penafsiran yang dibuat terhadap sesebuah karya membawa erti proses pemaknaan pengalaman pengarang yang berstruktur terdapat dalam sesebuah karyanya. Kajian dan analisis itu bertujuan untuk mendapatkan makna keaslian idea pengarang yang terstruktur dalam karya dan dapat menentukan akan keunggulannya. Aspek kehadiran ini dianalisis oleh teksdealisme daripada tiga bahagian, iaitu apakah fakta-fakta yang hadir dan di mana sumber kehadirannya; bagaimana fakta itu hadir di dalam teks karya tersebut; dan apakah fungsi dan kesan kehadirannya.

Menurut Shahnnon Ahmad (1979), sumber idea tidak mempunyai batasan yang tertentu. Ia meliputi kejiwaan manusia, sosial, keluarga, nilai dalam masyarakat, politik, falsafah dan sebagainya yang berhubungkait dengan perlakuan dalam masyarakat. Selagi sesuatu itu boleh mendatangkan idea dan pengalaman kepada pengarang dan khalayak maka selagi itu lah dikatakan sebagai sumber kewujudan idealismenya. Sebagaimana pandangan Andre (1981), sewaktu pembacaan dikatakan pengalaman-pengalaman silam akan turut dibicarakan dalam memberi rasional atau menjadikan khalayak lebih berpengetahuan. Terdapat berbagai bentuk kehadiran yang wujud dalam diri pengarang yang seterusnya membawa kepada pembentukan idea dalam pengkaryaan. Antaranya ialah struktur, unsur, aliran dan ideologi. Kehadiran struktur dibahagikan kepada pemikiran, plot, watak, bahasa dan latar. Manakala bentuk kehadiran bahasa dapat dilihat pada gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang untuk menyampaikan idea dan pemikirannya.

Ini boleh dilihat daripada pengkaryaan Mana Sikana dalam penghasilan karya kreatifnya drama seperti *Tanah di Hujung Bendang, Pengadilan, Ihsan, Apa-apa, Mustaqima, Hikmah*, dan sebagainya. Drama-drama tersebut memperlihatkan akan pengalaman hidup beliau sebagai warga kampung di daerah Kuala Kangsar yang digambarkan tentang kemiskinan, kesengsaraan, penindasan dan pelbagai persoalan tentang masyarakat kampung khususnya orang Melayu. Melalui paparan tersebut, dapat dikatakan bahawa kebijaksanaan kepengarangan Mana Sikana telah menghadirkan pengalaman peribadinya telah dijadikan dasar idealisme dalam karya nya. Dengan kata lain, melalui sesuatu bakat, kebolehan, intelektual dan ketrampilan kepengarangannya telah menghasilkan sebuah karya yang lebih baik daripada apa yang telah dihasilkannya dan mengatasi apa yang telah dihasilkan oleh pengarang lain sebelumnya. Oleh yang demikian, idealisme atau sifat keunggulan sebagai sebuah teks karya kreatif yang unggul selalu wujud dalam pemikiran beliau sewaktu berkarya.

Sehubungan itu, para penulis atau pengarang mestilah mempunyai sikap tegas dan sikap inilah yang menentukan bagaimana seseorang penulis mendekati sesuatu persoalan dan mengemukakan perbincangan persoalannya. Oleh yang demikian, para penulis mestilah terlibat kepada setiap persoalan masyarakatnya, sama ada secara mental atau fizikalnya, ataupun kedua-duanya. Itulah sebabnya sastera, secara langsung atau tidak, memperlihatkan dan memancarkan sikap hidup atau pandangan hidup (*world view*) penulisnya. Dengan kata lain, kesusasteraan mestilah mempunyai tujuan, dan tujuan itu adalah keyakinan hidup dan keyakinan politik penulisnya. Para penulis tidak mungkin, malah tidak boleh terpisah daripada masyarakatnya. Masyarakat Melayu adalah masyarakat yang mempunyai daya cipta atau yang kreatif. Kekreatifan masyarakat Melayu nyata terlihat bukan sahaja dalam bidang kerajinan tangan, atau kraftangan, tetapi juga dalam hal penyaluran fikiran. Dalam bidang kerajinan tangan, pelbagai bentuk pertukangan seni tangan terlaksana dengan banyak dan halus seperti yang dapat dilihat dalam hasil-hasil pertukangan perak, tembaga dan tembikar dan pekerjaan-pekerjaan membatik, menenun, menyulam dan menganyam (Hashim Awang, 1997: 118). Pernyataan seni ini tidak hanya terlaksana melalui bentuk-bentuk artefak yang sedemikian rupa sahaja, malah juga tersalur menerusi bentuk fikiran yang terungkap dalam karya-karya sastera yang pelbagai ragam sastera sama ada dalam bentuk prosa dan puisi sehingga fikiran itu menjadi indah sifatnya untuk diterima oleh anggota masyarakat.

Sebagaimana penegasan Usman Awang (A.Karim Abdullah, 1993: 127) dalam sejarah sesuatu bangsa, tiap zaman memberikan suatu pertanggungjawabannya kepada kalangan seniman, termasuk penulis atau pengarang. Jadi peranan pengarang ialah mempertahankan dan memperjuangkan nilai-nilai luhur yang umum diterima dan dihormati manusia, iaitu kebenaran kebebasan, keadilan dan sifat-sifat kemanusiaan. Tentu saja kebenaran itu ialah kebenaran rakyat sebagai golongan terbanyak dan keadilan itu ialah keadilan untuk seluruh rakyat, dan tentu sajalah kebebasan itu ialah kebebasan rakyat melalui undang-undang dan alat-alat negara yang dikuasainya, kadang-kadang memaksakan mengikut kehendak politik-ekonominya.

Bagi sesuatu karya sastera, baik sebagai kreativiti estetik mahupun respon daripada kehidupan sosial, mencuba mengungkapkan perilaku manusia dalam suatu kelompok sosial yang dianggap bererti bagi aspirasi kehidupan seniman, kehidupan manusia pada umumnya. Oleh kerana itulah, dimensi-dimensi yang dilukiskan bukan hanya entiti tokoh secara fizikal, tetapi sikap dan perilaku, dan kejadian-kejadian yang meniru pada kualiti struktur sosial. Dengan kata lain, seseorang pengarang dalam masyarakat kelompok sosialnya mempersiapkan entiti karya sasteranya sesuai dengan norma-norma dan nilai-nilai struktur sosial, manakala karya sasteranya memanfaatkan unsur-unsur sosial ke dalam sistem sastera dengan cara yang ditentukan oleh konvensi dan tradisi sesuatu masyarakat.



Hubungan pengarang dengan masyarakat dikatakan terjadi sepanjang masa, sepertimana pandangan Eagleton (1983: 12) menyatakan bahawa karya sastera selalu ditulis kembali pada zamannya, meskipun hanya secara tidak disedari. Karya sastera yang dipersiapkan di dalamnya melampaui subjek individu, bahkan juga melampaui dimensi-dimensi ruang dan waktu proses penciptaannya. Ini bermakna, menurut Syed Nasir Ismail seseorang penulis mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk meneliti tindak tanduk anggota masyarakat seluruhnya. Dengan pemerhatian itu bila mereka menulis mereka akan menulis dengan sedar, yakin dan berpengetahuan yang berdasarkan kebenaran (Abdul Karim Abdullah, 1993: 73). Kesedaran, keyakinan dan pengetahuan yang berdasarkan kebenaran itulah ilham yang menghidupkan daya imaginasi mereka. Keadaan inilah merupakan peringkat kematangan yang diperlukan oleh penulis dan kematangan menjadikannya pengawas dan pemimpin fikiran masyarakatnya. Kematangan itu juga yang membolehkan mereka dapat meneliti penyakit-penyakit rohani manusia dalam masyarakatnya dan yang membolehkannya meneliti pendapat-pendapat umum yang benar dan sihat atau tidak benar dan tidak sihat.

Menyedari sifat semula jadinya demikian, menurut Mansuri S.N (1998) seorang pengarang atau sasterawan sejati yang bertanggungjawab terhadap hasil penulisannya akan sentiasa mewajahkan seorang yang 'melawan arus' zamannya. Tetapi dengan berkata begitu, bukanlah bermakna seorang pengarang itu sengaja 'bersastera-sasteraan', yakni dengan menulis perkara-perkara yang murung dan negatif. Sasterawan sejati pada umumnya memiliki visi dan sikap hidup yang dinamis dan terbuka. Bersikap tenang, waspada tetapi tidak diam membeku. Kelihatan pada luaran seperti tidak serius, tetapi di dalam jiwanya bergelora. Bersikap cuba menyuarakan suara hatinya, agar masyarakatnya dapat berdikari dalam mengharungi tentangan zaman yang dihadapinya (Mansuri S.N, 1998: 38). Inilah merupakan titik tolak perjuangan seseorang pengarang yang unggul, yakni dengan penuh semangat dan harapan agar masyarakatnya terus maju, mampu bersaing dan dapat mengatasi segala masalah dan cabaran yang hendak menenggelamkan bahasa, sastera, budaya dan peradaban umat manusia.

Sebagaimana pendapat Mana Sikana (1997: 198), seseorang pengarang yang sedar tentang kekuasaan kesusasteraan selalunya prihatin terhadap sejarah dan politik. Tokoh-tokoh sejarah dan politik tanah air sentiasa hidup membayangi watak-watak yang diciptakan. Pengarang besar dengan mudahnya dapat membezakan tokoh-tokoh terbilang masa silam yang berjasa kepada bangsanya. Mereka juga dengan pantas mengenal tokoh-tokoh politik terkini yang jujur dan berhemah tinggi yang berusaha supaya bangsanya benar-benar menikmati kemerdekaan. Begitu juga sebaliknya, pengarang-pengarang pun mengenal tokoh petualang dan politikus rakus. Tokoh berwibawa akan diwirakan di dalam karya sastera, mereka yang bertualang akan dibunuh.

Seseorang pengarang yang sedar konsep kepengarangannya akan cuba memperbaharui setiap teks karya yang dihasilkannya. Ketidakpuasan terhadap teks karya yang sudah dihasilkan menyebabkan seseorang pengarang selalu berusaha untuk menghasilkan karya yang seterusnya lebih unggul daripada apa yang sudah terhasilnya. Namun, sebagai pengarang moden atau pascamodenis tetap hidup subur dalam jiwa nurani masing-masing keinginan dan keazaman dalam penghasilan teks karya yang unggul.

Teksdealisme berpegang kepada karya yang unggul berada dalam struktur yang unggul. Ini bererti analisis boleh dikaji dalam aspek pengekal dan perubahan dalam konvensi sastera, berasaskan kepada prinsip perlanggaran iaitu berhubungkait dengan aspek wacana dan bahasa yang sering dijadikan faktor keunggulannya. Perlanggaran dalam teksdealisme memperlihatkan nilai perimbangan sama ada mengekalkan dan mengubah sesuatu dalam usaha mencapai keunggulan teks karya. Perlanggaran didefinisikan sebagai suatu proses penciptaan dinamik untuk mencari pembaharuan dalam menghasilkan sesebuah karya. Teksdealisme meletakkan



prinsip perlanggaran sebagai suatu kaedah untuk menganalisis sesebuah teks karya bagi memperlihatkan sifat-sifat keunggulannya. Sifat-sifat pembaharuan, eksperimental dan pemantapan inilah yang mendukung kelahiran teks-teks moden, pascamodenis, *avant-gradge* dan sebagainya.

Melalui beberapa drama awal yang dihasilkan oleh Mana Sikana seperti *Hikmah, Mustaqima dan Apa-apa* memperlihatkan usaha melanggar aliran realisme dan memasuki aliran eksistensialisme. Falsafah kehidupan tanpa hidup bermakna yang menjadi pegangan dalam aliran ini telah menjadi modal dalam penghasilan drama tersebut. Walau bagaimanapun falsafah aliran itu yang menggambarkan kehidupan manusia yang hilang kepercayaan, harapan, dan ketiadaan pegangan agama telah diterbalikkan dengan unsur positif berlandaskan dasar dan pemikiran Islam.

Begitu juga pengkaryaan A.Samad Said, yang bukan sahaja mempunyai keunggulan dalam penghasilan novel, puisi dan cerpen, malah beliau turut mempunyai kekuatan dan keunggulan dalam penulisan skrip drama. Tidak banyak drama yang dihasilkannya, tetapi sudah cukup untuk meletakkan namanya sebaris dengan Kala Dewata, Usman Awang, Noordin Hassan dan Zakaria Ariffin. Kekuatan dramanya tidak sahaja terletak pada perpaduan unsur dramatikanya, tetapi juga sifat pembaharuan dan perlanggarannya. Pada saat-saat realisme formal sedang meneguhkan tradisinya, drama pertamanya *Di Mana Bulan Selalu Retak* telah menyuburkan akan realisme eksistensialisme. Gambarannya kehidupan seorang penari sebagai suatu ikon kepada watak Salina sedang berjuang untuk melepaskan keperitan penghidupannya. Namun, pada tahun 1985, beliau telah menghasilkan drama *Wira Bukit* yang memperlihatkan pemikiran dan gagasannya berjiwa rakyat, tetapi mengandungi pelbagai makna yang boleh menduga akal fikiran kita. Drama tersebut mengetengahkan permasalahan yang jarang digarap oleh dramatis lain iaitu tentang suatu kehidupan masa silam yang dilihat secara idealistik persoalan penjajahan dan political dimension. Drama ini dilihat daripada alirannya lebih terarah kepada aliran realisme, tetapi apabila diamatinya telah kelihatan mula menampakkan kepada unsur-unsur historisisme baru. Dalam konteks ini hanya khayalan dan imajinasinya ke masa lampau yang ditentukan segala apa yang berlaku antara yang perlu dilakukan sebagai sesuatu yang dapat ditempatkan, seperti yang dilakukan oleh Shanon dalam sebahagian novel *Perdana*, dan begitu juga A.Samad Ismail dalam novelnya *Tembok Tidak Tinggi*. Hal ini dilakukan oleh seseorang sasterawan dengan tujuan menimba sebanyak mungkin pengalaman dari lingkungannya sebelum proses penciptaan itu dimulakan. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Shanon Ahmad, seseorang pengarang tidak akan menciptakan sesebuah novel itu dari yang tidak ada kepada yang ada, tetapi mencipta dan mengungkapkan dari segala pengalaman terhadap unsur-unsur dan gejala-gejala sosial atau masyarakatnya yang berada dalam keadaan kucar-kacir dan tidak tersusun kepada struktur atau susunan yang indah dan bermanfaat seperti bentuk novel (Ramli Isin, 1997: 56).

Bagaimanapun, dalam proses penciptaan perubahan dan penyimpangan memang sering terjadi. Para pengarang tidak hanya sebagai penerap kepada konvensi-konvensi yang ada malah mengingkari penjanaannya, sesuai dengan perkembangan daya kreativiti, pemikiran dan keadaan serta suasana tempat mereka berada. Perkembangan dinamis yang berlaku dalam sesuatu persoalan masyarakat itu akan turut mempengaruhi daya pemikiran novelis dalam menstrukturkan perjalanan novel yang diciptakan. Menurut Mana Sikana (2005: 6), melihat unsur-unsur dan aspek-aspek yang membangunkan sesebuah karya itu, bukan sahaja untuk mengelakkan diri daripada pengaruh subjektiviti dan hal-hal yang tidak bersangkutan paut dengan urusan karya, tetapi juga mahukan hasil daripada penelitian karya itu dapat meninggikan mutu tamadun kesusasteraan sesuatu bangsa. Sudah menjadi sejarah sastera, sesebuah karya yang agung dan besar dilihat dari sudut kejayaan estetik dan tekniknya, bukan daripada sudut kepopularan atau penerimaan khalayaknya. Sesebuah buku yang menjadi *best-seller* tidak



bererti dapat diterima sebagai sebuah karya yang bermutu tinggi dari sudut sasteranya. Malah ada masanya sebuah buku yang mencapai mutu yang tinggi, jarang mendapat pasaran dan kurang audiennya. Begitulah, misalnya yang terjadi terhadap karya-karya Sasterawan Negara yang bersifat unggul, termasuklah karya A.Samad Ismail yang tidak begitu diterima khalayak tetapi sukar disangkal terkandung nilai-nilai estetika dan kemantapan pemikiran serta idealisme ketamadunan negara bangsa.

Karya sastera, baik sebagai kreativiti estetik maupun respon daripada kehidupan sosial, mencuba mengungkapkan perilaku manusia dalam suatu kelompok sosial yang dianggap bererti bagi aspirasi kehidupan seniman, kehidupan manusia pada umumnya. Justeru itu, dimensi-dimensi yang dilukiskan bukan hanya entiti tokoh secara fizikal, tetapi sikap dan perilaku, dan kejadian-kejadian yang meniru pada kualiti struktur sosial. Sebagai dua diskret yang saling bergantung antara satu sama lain, keduanya hadir dalam situasi dialogis. Masyarakat mempersiapkan entiti karya sastera sesuai dengan norma-norma dan nilai-nilai struktur sosial, sebaliknya karya sastera memanfaatkan unsur-unsur sosial ke dalam sistem sastera dengan cara yang ditentukan oleh konvensi dan tradisi. Oleh yang demikian, hubungan karya sastera dengan masyarakat terjadi sepanjang masa. Menurut Eagleton (1983: 12) karya sastera selalu ditulis kembali pada zamannya, meskipun hanya secara tidak disedari. Maknanya karya sastera yang dipersiapkan di dalamnya pada gilirannya melampaui subjek individu, kualiti interpretatif subjek pembaca individu, bahkan juga melampaui dimensi-dimensi ruang dan waktu proses penciptaannya. Sumber karya jelas menunjukkan individu, tetapi sumber terakhir karya adalah tradisi dan konvensi dan digali melalui representasi fakta-fakta sosialnya ke arah menghasilkan karya yang unggul.

Golongan penulis atau pengarang sewajarnya bertindak memimpin masyarakat menerusi penghasilan karya unggul yang boleh meniupkan semangat di kalangan pembaca agar merancang hidup yang singkat ini dengan betul, kuat bekerja, membina hidup secara halal dan sanggup menghadapi cabaran-cabaran dan pancaroba hidup di pentas dunia dengan gigih dan berani. Karya-karya sastera yang dihasilkan sama melalui novel, cerpen, sajak, drama atau sebagainya wajar memimpin manusia ke arah kemerdekaan jiwa, menghapuskan segala bentuk perhambaan sesama manusia dan melenyapkan penjajahan fikiran atau kebendaan. Jiwa manusia wajar dibebaskan dari segala rupa bentuk penjajahan dan boleh menghapuskan nilai-nilai kemanusiaan di dalam diri mereka. Sasterawan atau penulis adalah pemimpin fikiran masyarakat. Karya-karya ciptaan mereka menjadi bahan bacaan masyarakat umum dan sewajarnya mereka menghasilkan karya yang unggul dapat 'memimpin' masyarakat ke arah kebebasan berfikir, berdemokrasi, membangkitkan daya kreativiti, inovatif dan mencetuskan pembangunan intelektual bangsa, sesuai dengan bangsa kita yang merdeka.

## **Penutup**

Bagi sesuatu karya yang unggul, baik sebagai kreativiti estetik mahupun respon daripada kehidupan sosial, mencuba mengungkapkan perilaku manusia dalam suatu kelompok sosial yang dianggap bererti bagi aspirasi kehidupan seniman, kehidupan manusia pada umumnya. Oleh kerana itulah, dimensi-dimensi yang dilukiskan bukan hanya entiti tokoh secara fizikal, tetapi sikap dan perilaku, dan kejadian-kejadian yang meniru pada kualiti struktur sosial. Dengan kata lain, keunggulan seseorang pengarang dalam masyarakat kelompok sosialnya mempersiapkan entiti karya sasteranya sesuai dengan norma-norma dan nilai-nilai struktur sosial, manakala karya sasteranya memanfaatkan unsur-unsur sosial ke dalam sistem sastera dengan cara yang ditentukan oleh konvensi dan tradisi sesuatu masyarakat.



Prinsip kehadiran dan pelanggaran yang mendasari teksdealisme berupaya mewujudkan penghasilan sesebuah karya yang unggul. Sesungguhnya teksdealisme berpegang kepada karya yang unggul berada dalam struktur kepengarangan yang unggul. Malah, prinsip pelanggaran menunjukkan kesedaran pengarang dalam menciptakan karya-karya yang unggul dan dapat memperlihatkan taraf keunggulannya.

## **Rujukan**

- A.Karim Abdullah (peny.). 1993. *Pemimpin dan Sasterawan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.Teeuw. 1995. *Sastera dan Ilmu Sastera; Pengantar Teori Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alias Mohamed. 2005. *Sastera dan Politik*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House Sdn.Bhd.
- Eagleton, Terry. 1983. *Literary Theory: An Introduction*. England: Basil Blackwell
- Hajijah Jais, Muhamad Ikhrum Fadhly Hussin. 2005. *Teori dan Kritikan Sastera Melayu Serantau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. 1997. *Kritikan Kesusasteraan; Teori dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kiernan Ryan. 1996. *New Historicism and Cuktural Materialisme*. New York: Arnold St. Martin's Press.
- Mana Skana. 2004. *Sastera Melayu Pascamodenisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. 2005. *Sastera Junjungan*. Bangi: Penerbit Pustaka Karya.
- Mana Sikana. 2005. *Teori Sastera Kontemporari*. Bangi: Penerbit Pustaka Karya
- Mohamad Daud Mohamad, Huszaidi Hussin. 2006. *Rangkaian Pemikiran Dalam Karya Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S.Jaafar Husin. 1995. *Penelitian Sastera; Metodologi dan Penerapan Teori*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. 1993. "Memberi Isi kepada Sastera Melayu" dlm. *Sastera Sebagai Seismografi Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Slaughter, Cliff. 1980. *Marxism, Ideology and Literature*. London: The Macmillan Press Ltd.
- Watson, George. 1979. *The Study of The Novel*. London: MacMillan.